

E-CONCERT PROGRAMME



KEMENTERIAN PELANCONGAN, KESENIAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



ISTANA BUDAYA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, KESENIAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
MINISTRY OF TOURISM, ARTS & CULTURE



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS
KUALA LUMPUR, MALAYSIA


MISTIK PURA MASYRIK

ORKESTRA
TRADISIONAL
MALAYSIA

SOUNDS OF MALAYSIA

2025 SEASON

PERFORMANCE AT
DEWAN FILHARMONIK PETRONAS



FRONT ROW

DFP DIGITAL CONCERT




DEWAN FILHARMONIK PETRONAS
KUALA LUMPUR, MALAYSIA



JUNJUNG TRADISI: A BEAUTIFUL TRADITIONAL MALAYSIAN SHOWCASE

STREAM TODAY ON





DEWAN FILHARMONIK PETRONAS

Dewan Filharmonik PETRONAS (DFP) is Malaysia's first concert hall dedicated to classical music. Located at the PETRONAS Twin Towers, it was officially opened on 17 August 1998 by the Patron of the Malaysian Philharmonic Orchestra (MPO), YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Haji Mohd Ali and Prime Minister, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Designed by Cesar Pelli, the hall takes its inspiration from the traditional shoe-box shape of the great 19th century European concert halls with the magnificent Klais Pipe Organ providing a spectacular backdrop to the stage.

The hall seats 920 people at one time which includes box seats, corporate suites and a royal suite. Acoustics experts Kirkegaard & Associates have incorporated unique acoustical devices into its design to maximize the hall's natural qualities.

DFP plays an integral part in the music and cultural landscape of the city of Kuala Lumpur and Malaysia. It continues to enthral audiences since the day it first opened its doors. Among renowned Malaysian artists who have mesmerized audiences at DFP include SM Salim, Sheila Majid, M Nasir, Siti Nurhaliza, Hattan, Jamal Abdillah, Khadijah Ibrahim, Ramli Sarip, Aishah, Ella, Yuna, Faizal Tahir, Dayang Nurfaizah,

Aubrey Suwito, Akim, Hazama, Hujan and Misha Omar among others.

International superstars who have graced the stage are Harry Connick Jr., Diana Krall, Anoushka Shankar, Laura Fygi, Zakir Hussain, Larry Carlton, Harvey Malaihollo, Ruth Sahanaya, and Judika.

World renowned orchestras that have performed here include the New York Philharmonic, Philadelphia Orchestra, BBC Symphony, and Vienna Symphony.

Beyond classical music, DFP has hosted ensembles of jazz and world music genres such as the Count Basie Orchestra, Yellowjackets, Ladysmith Black Mambazo, Mezzoforte, Igudesman & Joo, Pink Martini, and Gotan Project.

DFP has also been the venue for many local and international cultural performances, corporate events and film recording. Some of the clients that DFP have worked with are PETRONAS, UMW Toyota, Netflix, Warnakala, Allianz Malaysia, SP Setia, Embassy of The Republic of Korea, Embassy of Japan, MCKK Foundation, Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) and The Japan Foundation, Kuala Lumpur.

DFP's success is attributed to its exceptional architectural design, superior acoustics, and recording studio modelled after the legendary Abbey Road Studios. As the first purpose-built concert hall in Malaysia, DFP will continue to become the premier iconic hall with diverse music and cultural offerings to create unique experience for all.

DFP Heritage: Mistik Pura Masyrik

Sabtu 9 Ogos 2025, 8:00 malam

ARTISTANA Istana Budaya
Orkestra Tradisional Malaysia

BABAK

Pembukaan: Lagu tema 3 min

Lirik: Che Kem

Tok Selampit menyampaikan cerita dengan iringan gesekan rebab yang berkisar tentang zaman Bahari yang gemilang, penuh magis dan misteri 2 min

Teks: Che Kem

Mengadap Rebab: Muzik bertabuh mengiringi Pak Yong turun bersama pewara istana 5 min

Tarian Asyik: Tiupan serunai menandakan kedatangan Cik Siti Wan Kembang 4 min

Tarian Ragam 3 min

Menora: Pak Yong menyanyi lagu Barat Cepat bersilih dengan penari Menora 3 min

Gurindam Walinong Sari 2 min
Teks: Che Kem

Tarian Walinong Sari dan muzik silat 3 min

All details are correct at time of publishing. Dewan Filharmonik PETRONAS reserves the right to vary without notice the artists and/or repertoire as necessary. Copyright © 2025 by Dewan Filharmonik PETRONAS (199801000663). All rights reserved. No part of this programme may be reproduced in any form without the written permission of the copyright owners.



Tarian Pelanduk Kuala Tahan:
Para petani berhibur dan meniru gerak pelanduk sambil menanam padi di petak-petak sawah *4 min*

Zapin Sri Pekan *3 min*

Pergendangan Pahang:
Lagu Kila *3 min*

Tok Selampit bercerita tentang Terengganu dengan iringan muzik gamelan
Teks: Che Kem

Tarian dan nyanyian Burung Baniong:
Di alam mistik, sekumpulan burung mengelilingi seorang pemuda

Di alam nyata, rakan-rakan pemuda mengusung pemuda sakit pulang untuk dipulihkan *5 min*

Ritual pemulihan *2 min*

Nyanyian dan tarian Ulik Mayang *6 min*

Joget Gamelan Timang Burung *4 min*

Tok Selampit menutup cerita *2 min*
Teks: Che Kem

Penutup: Lagu tema *5 min*

Persembahan akan berlangsung selama 77 minit tanpa rehat.



Mistik Pura Masyrik mengangkat tradisi Pantai Timur melalui garapan alunan nyanyian, muzik, gerak tari dan budaya dalam olahan kreatif dan magis mengikut zaman kini. Persembahan yang penuh misteri ini diadun dengan cerita lagenda *Cik Siti Wan Kembang*, *Puteri Walinong Sari* dan *7 Puteri Ulik Mayang* dipersembahkan dalam bentuk ritual dan mistik berlatarkan muzik yang indah. Tidak dilupakan, lagu-lagu rakyat dengan sentuhan gubahan baharu yang telah mewarnai kehidupan masyarakat pantai timur sejak berzaman lamanya.

Karya ini menjadi investasi pemikiran dan roh kepada jasad seni persembahan dan menjadi sebuah tontonan yang bernuansakan pantai timur, memberi wacana baru dalam khazanah seni pentas serta dapat memberi inspirasi kepada generasi muda untuk mencintai tradisi dan budaya bangsa. Tradisi dan modenisasi bagai roh dan jasad yang menghidupkan karya agung *Mistik Pura Masyrik* ini.



Sinopsis Babak

TOK SELAMPIT

Tok Selampit adalah gelaran bagi penglipur lara, iaitu seorang penghibur yang menceritakan kisah-kisah sambil diiringi muzik, terutamanya di negeri Kelantan. Tok Selampit bukan sekadar pencerita tetapi juga seorang penghibur yang memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu, khususnya di Kelantan. Persembahan Tok Selampit sering diadakan untuk menghiburkan orang ramai, terutamanya di majlis-majlis tertentu. Rebab adalah alat muzik yang lazim digunakan oleh Tok Selampit untuk mengiringi penceritaan mereka.

MENGHADAP REBAB

Tarian Menghadap Rebab adalah tarian pembukaan dalam persembahan Mak Yong, merupakan simbol semangat dan permulaan sebuah persembahan. Tarian ini juga melambangkan penghormatan kepada alat muzik rebab yang dianggap penting sebagai ketua muzik dalam persembahan Mak Yong.

Tarian ini bertujuan untuk menaikkan semangat para pelakon dan meminta izin daripada guru (pemain rebab) untuk memulakan persembahan. Tarian ini bukan sekadar tarian, tetapi juga merupakan upacara pembukaan yang penuh makna dalam persembahan Mak Yong.

TARIAN ASYIK

Tarian Asyik merupakan tarian tradisional Melayu yang berasal dari Kelantan. Pada asalnya, tarian ini dicipta untuk menghiburkan seorang raja yang berduka akibat kehilangan burung kesayangannya. Tarian Asyik ditarikan oleh penari wanita dengan gerak geri lemah lembut dan menyerupai gerakan burung, dengan elemen-elemen seperti alunan ombak, burung terbang dan ikan berenang.

Tarian ini sering dipersembahkan dalam majlis perkahwinan, khususnya malam berinai dan di acara negeri dan negara. Tarian ini telah berkembang dari semasa ke semasa dengan perubahan dalam kostum dan persembahan namun tetap mempertahankan ciri-ciri kelembutan dan kehalusan gerakannya.

TARIAN RAGAM

Tarian Ragam Mak Yong ialah tarian tradisional yang diadaptasi daripada teater Mak Yong, menampilkan gerak tari lemah gemalai yang menggambarkan keindahan alam, flora dan fauna. Diiringi muzik tradisional seperti serunai, rebab dan gendang, tarian ini memaparkan keunikan budaya dan ragam watak dalam persembahan Mak Yong secara simbolik dan dramatik. Tarian ini kebiasaannya ditarikan semasa di akhir cerita dalam persembahan Mak Yong.

MENORA

Tarian Menora atau nama asalnya Manohra ialah satu persembahan tradisional masyarakat Selatan Thai yang menggabungkan unsur nyanyian, tarian dan muzik dalam satu bentuk seni yang unik. Tarian ini terkenal dengan gerakan yang lemah gemalai namun bertenaga, nyanyian yang merdu dan kostum yang indah dan mempesona.

Nama “Manohra” berasal daripada watak “Nang Manohra”, iaitu makhluk separuh wanita dan separuh burung dalam cerita rakyat terkenal “Phra Suthon – Manohra”. Pada awalnya, tarian ini dipersembahkan sebagai hiburan. Namun lama-kelamaan, ia turut menjadi sebahagian daripada upacara keagamaan dan penyembuhan, seperti memberi penghormatan kepada guru (Kru) dan upacara *spiritual* yang dikenali sebagai “Manohra Rong Kru”.

Tarian Manohra menampilkan pelbagai elemen penting seperti gerakan tarian yang anggun, kostum berwarna-warni dengan aksesori berkilauan seperti mahkota, sayap dan ekor, serta penggunaan alat muzik tradisional seperti gendang, seruling dan simbal. Lagu-lagu yang dipersembahkan dinyanyikan dalam dialek Selatan Thai yang memiliki melodi tersendiri.

Pada tahun 2021, UNESCO telah mengiktiraf 'Nora' (satu lagi nama bagi Manohra) sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan, menjadikan tarian ini sebagai satu khazanah budaya yang sangat penting bagi masyarakat Selatan Thai dan dunia.

GURINDAM

Gurindam ialah sejenis puisi tradisional dalam kesusasteraan Melayu yang amat penting dan berperanan dalam menyampaikan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Ia terdiri daripada dua baris ayat dalam setiap rangkap. Baris pertama biasanya mengandungi persoalan, syarat atau sebab manakala baris kedua memberikan jawapan, akibat atau penyelesaian kepada baris pertama. Oleh itu, gurindam bukan sahaja indah dari segi bunyi tetapi sarat dengan maksud yang mendalam.

Gurindam sering digunakan sebagai medium untuk menyampaikan nasihat, ajaran agama dan panduan hidup kepada masyarakat. Kandungan gurindam banyak menyentuh soal akhlak, tanggungjawab, pergaulan, ilmu pengetahuan dan hubungan manusia dengan Tuhan.

TARIAN WALINONG SARI

Tarian Walinong Sari adalah satu tarian yang diadaptasi daripada cerita dan lagu rakyat yang popular di Kampung Ulu Luit daerah Maran, Pahang. Ragam tarinya menggambarkan Walinong Sari bermain di taman bersama-sama Inang Pengasuh dan dayang-dayangnya sambil memetik dan menyusun bunga-bunga seperti yang tertera pada senikata lagu tersebut.

Watak Walinong Sari sangat tinggi budi pekertinya dan dikatakan seorang yang taat pada agama sehingga tidak pernah menampakkan wajahnya kepada orang ramai. Namun di sebalik kelembutannya, Walinong Sari amat cekap dalam persilatan sehingga tiada yang mampu menewaskannya. Walinong Sari juga tangkas menggunakan senjata seperti bermain keris dan melambung lembing sehingga tercipta syarat pada sesiapa yang ingin menyuntingnya sebagai seorang isteri mestilah beradu dalam persilatan dengannya terlebih dahulu dan yang pastinya harus menang dalam pertarungan tersebut.

TARI PELANDUK

Tarian Pelanduk ini berasal dari Kampung Bantal, Kuala Tahan di daerah Jerantut, Pahang. Ia bermula daripada orang-orang kampung yang mengerjakan sawah seperti merumput, membajak dan menyemai. Untuk menghilangkan rasa bosan, mereka akan mula menyanyi bersama-sama sambil meneruskan kerja-kerja tersebut. Mereka akan sentiasa menyanyi dari satu lagu ke lagu seterusnya sehingga selesai waktu kerja. Di antara lagu-lagu yang mereka nyanyikan, lagu Pelanduk mempunyai tariannya dan ditarikan oleh kaum wanita. Tarian ini ditarikan apabila mereka berhenti rehat semasa kaum lelaki sedang minum kopi dan menjamah bekalan yang dibawa.

Tarian ini adalah seperti meniru-niru pergerakan pelanduk seperti pelanduk bermain, pelanduk bermanja, pelanduk makan, pelanduk melompat, pelanduk berehat dan pelanduk tidur.

Dikatakan ragam tari yang paling disukai ialah dengan menguis-nguis kaki kanan dan akan disambut oleh semua yang berada di situ dengan perkataan "terkeceh-keceh". Manakala pola lantainya pula, mereka akan menari secara sebaris dan hanya ke hadapan dan belakang sahaja.

Pada asalnya, tarian ini ditarikan secara santai namun kini ada dalam kalangan penggiat senitari yang telah kreasikan menjadi penari-penari sebagai karakter pelanduk agar lebih jelas difahami dan lebih energetik.

ZAPIN SRI PEKAN

Tarian Zapin Pekan merupakan sejenis tarian tradisional rakyat Melayu yang dipercayai telah diperkenalkan oleh seorang tukang songkok yang berasal dari Sumatera bernama Adam pada tahun 1930-an. Pada asalnya, zapin ini dikenali sebagai Zapin Tembak oleh penduduk tempatan yang kemudiannya bertukar menjadi Zapin Pekan dan terus berkembang dengan begitu popular pada tahun 1950-an dan 1960-an di daerah Pekan terutamanya di Kampung Tanjung Gemuk dan Kampung Lamir.

la dahulu ditarikan pada sehari sebelum majlis perkahwinan bagi menghiburkan para petugas yang sedang sibuk membuat persiapan. Hanya pemuda-pemuda sahaja sebagai penggiat utama ketika itu kerana mereka mempunyai tenaga dan keupayaan dalam rentak yang cepat. Tarian ini boleh dikatakan menjurus kepada gaya memikat oleh pemuda-pemuda kampung untuk mendapat perhatian pemudi-pemudi yang berada di sekitar majlis tersebut.

Daripada sebuah tarian yang ditarikan oleh orang-orang kampung, kemudiannya muncul seorang pemuzik bernama Yang Mulia Tengku Mansor yang bergiat aktif dengan salah sebuah kumpulan bangsawan ketika itu telah mengambil inisiatif mengangkat tarian ini ke pentas. Beliau juga bertanggungjawab dalam penciptaan lagu bagi mengiringi tarian ini yang berjudul Zapin Kembang Melati yang pada asalnya hanya diiringi menggunakan alat muzik rebana dan gong sahaja dengan rentak Riau. Lagu ini dinyanyikan sendiri oleh isteri beliau iaitu Cik Norlia yang berasal dari Singapura. Tapi sayangnya, lagu tersebut turut lenyap di kala Tarian Zapin Pekan mula melalui zaman kemelesetannya dan tidak dapat dikesan hingga sekarang.

Namun pada tahun 1992, atas usaha kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN Pahang) dan Kumpulan Budaya Yayasan Pahang, Tarian Zapin Pekan ini mula diaktifkan kembali dengan hasil penyelidikan semula melalui salah seorang bekas penari yang dikenali sebagai Pak Mat yang menetap di Kampung Ketapang, Pekan, Pahang.

Buat sekian lama, akhirnya Tarian Zapin Pekan dipersembahkan semula oleh Kumpulan Budaya Yayasan Pahang di Festival Tari Kebangsaan 1992. Di festival inilah Tarian Zapin Pekan telah diiringi lagu baharu yang berjudul *Seri Pekan* hasil ciptaan seorang pemuzik iaitu Abdul Razak Bakar dan dinyanyikan oleh Azizah Ngah. Maka lengkaplah Tarian Sri Pekan yang mempunyai lagu iringan khas hingga kini.

Tarian ini merangkumi 3 peringkat:

- I. Taqsim - pembuka
- II. Isi - bentuk tari, gaya tari dan pola lantai
- III. Tahtim - penutup

Tangan kiri "Genggam Tak Sudah" yang diletak di pinggang kiri adalah identiti zapin ini di mana ia dipanggil "Penyuluh" sebagai perlambangan perjalanan manusia yang semestinya mempunyai panduan. Hanya tangan kanan yang bebas bergerak sebagai perlambangan pelaksanaan usaha membina kehidupan sementara untuk pola lantainya, penari-penari akan menari sebaris sebagai simbolik dalam menunjukkan ke arah satu tujuan. Pola lantai bulat pula diamalkan "Kembang Melati" dimestikan ada di dalam tarian ini yang membawa erti pemuafakatan dalam merancang sesuatu.

Di antara ragam tarinya adalah seperti Acah-acah Tembak, Acah Pusing Seret, Henjut Tendang Silang, Layang, Lompat Gasing, Kilas Ceduk dan Liuk Kiri Kanan.

PERGENDANGAN PAHANG

Gendang merupakan sejenis alat muzik yang dihasilkan dengan menggunakan kayu berbentuk bulat. Pemukul gendang dikenali sebagai tukang gendang manakala pemukul atau pemain gendang diraja mempunyai gelaran tersendiri iaitu Kulup Raja. Pada tahun 1857, permainan gendang Pahang mula diperkenalkan setelah tercetusnya perang saudara di Chenor, Pahang. Kemudian, gendang Pahang mula berkembang di beberapa buah daerah iaitu Jerantut, Kuala Lipis, Pekan, Chenor dan Temerloh sementara di kawasan lain, gendang Pahang semakin pupus. Di sesebuah kawasan, penduduk setempat lebih menggemari irama setempat berbanding irama yang didatangkan dari daerah lain. Keadaan ini menunjukkan mereka sangat konsisten dalam mempertahankan irama yang dipusakainya sejak turun-temurun.

Gendang Pahang merupakan seni muzik tradisi yang mendapat pengaruh seni muzik Islam. Seni muzik ini dipercayai diperkenalkan oleh Dato' Purba Jelai dan disebarkan sehingga ke tiga generasi. Gendang Pahang mempunyai lagunya tersendiri yang dikenali sebagai *Bujang Hilir*. Muzik ini dimulakan dengan rentak pembukaan dan disudahi dengan rentak membunuh atau rentak mati di samping rentak-rentak sampingan yang lain. Selain itu, lagu popular yang sering dimainkan adalah *Samaderas*, *Kambing Berlaga*, *Lenggang Janda*, *Bujang Hilir* dan *Raja Berangkat*. Gendang Pahang dimainkan ketika majlis perkahwinan dan adat istiadat istana serta untuk mengiringi persembahan silat dan tarian Inai. Gendang Pahang tidak dikhususkan kepada golongan lelaki sahaja sebaliknya turut melibatkan golongan wanita.

TARIAN BURUNG BANIONG

Tarian Burung Baniong berasal dari Kampung Kuala Jingai, Hulu Dungun, Terengganu. Tarian ini juga merupakan tarian yang digarap daripada Tarian Saba. Pada asalnya, tarian ini merupakan sebahagian daripada upacara perubatan spiritual untuk merawat penyakit namun kini, Tarian Burung Baniong lebih dikenali sebagai satu bentuk kesenian dan hiburan. Kebiasaannya tarian ini ditarikan dengan mengelilingi Pokok Saba sambil meniru gerak aksi burung.

RITUAL PEMULIHAN

Persembahan muzik membangkit rasa *spiritual* dan mistik diikuti lakonan secara *stylized* dan dramatik.

ULIK MAYANG

Tarian Ulik Mayang mempunyai pelbagai versi legenda tentang kewujudannya. Ia dipercayai bermula apabila sekumpulan nelayan keluar ke laut dengan perahu menangkap ikan. Di tengah laut, mereka telah dilanda ribut hingga menyebabkan perahu mereka dipukul ombak. Akibatnya, kesemua nelayan tersebut jatuh ke laut dan terkapai-kapai untuk menyelamatkan diri.

Apabila keadaan laut kembali tenang, kesemua nelayan tersebut telah dihanyutkan oleh arus dan terdampar di tepi pantai. Setibanya di pantai, kesemua nelayan telah pun tersedar akibat dihanyut ombak namun terdapat seorang sahaja nelayan yang masih tidak sedarkan diri. Mereka telah memanggil dukun untuk mengubati nelayan itu. Ada di antara mereka mengesyaki bahawa jiwa nelayan yang tidak sedarkan diri itu berada di alam lain dan jasadnya sahaja terdampar di pantai tersebut.

TIMANG BURUNG

Tarian Timang Burung merupakan salah satu di antara tarian gamelan yang asalnya sebuah tarian diraja yang ditarikan di Riau Lingga sebelum dibawa ke Tanah Melayu oleh Sultan Ahmad. Kemudian, ia diperkenalkan di kerajaan Terengganu oleh Tengku Ampuan Mariam.

Pergerakan tarian ini berasaskan pergerakan burung kerana menceritakan mengenai burung kesayangan Tuan Puteri Raden Galoh Cindera Kirana, iaitu salah satu watak penting dalam Hikayat Panji Semarang. Tuan Puteri ingin menzahirkan kecintaan baginda kepada burung kesayangan lalu baginda menitahkan penari-penari meniru aksi burung dengan menggunakan kipas.



Tenaga Produksi



Irwan Ismadi Shahrim, Pengarah Artistik

Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka, UiTM dan menyertai Istana Budaya pada tahun 2002. Beliau memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Set dan Prop, Bahagian Senireka. Sepanjang penglibatannya, beliau terlibat dalam rekabentuk set dan prop bagi pelbagai produksi termasuk *Dramatari Mahsuri*, *Teater Merdeka! Merdeka! Merdeka!*, *Bangsawan Tengku Anum* dan *Opera Merry Widow*. Beliau pernah tercalon dalam Anugerah BOH Cameronian Arts Awards 2003 dan 2004 bagi Rekaan Set Terbaik. Beliau telah mengetuai lebih 50 produksi berskala besar termasuk di Singapura seperti *Impak Maksima The Musical* (2009), *Rebab Berbisik* (2012) dan *Bahayanya Wanita* (2014). Beliau sering bekerjasama dengan tokoh-tokoh ternama dalam industri seni seperti Ahmad Yatim, Mior Hashim Manap, Fauziah Nawi, Rosminah Tahir, Rosnan Rahman, Eirma Fatima, Sabera Shaik, Lokman Ghani, Yazid Zakaria, Pat Ibrahim dan ramai lagi. Beliau adalah penerima Anugerah Pendukung Seni Kuala Lumpur 2016 daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.



Sharifah Raha Syed Mustaffa, Koreografer

Beliau memulakan kerjaya sebagai Artis Budaya di Kompleks Budaya Negara pada tahun 1988. Kini, beliau berkhidmat sebagai koreografer di Istana Budaya. Beliau telah terlibat dalam persembahan di dalam dan luar negara termasuk persembahan penutup Sukan Komanwel di Victoria, Kanada (1994) dan ASEAN Dance Festival di Kemboja, Manila dan Kuala Lumpur. Beliau telah menghasilkan pelbagai karya untuk teater muzikal dan konsert termasuk *Teater Muzikal Siti di Alam Fantasi*, persembahan *Mak Yong*, *Suzana@60*, *Sulur Nakasari*, dan *Citrwarna*. Beliau turut dipilih untuk menyelaras persembahan sempena lawatan mantan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama, Putera William dan Puteri Kate Middleton ke Malaysia di Istana Negara. Beliau juga terlibat dalam persembahan Hari Keputeraan Raja Perlis di Istana Perlis.



Zainal Abiddin Bujang, Pengarah Persembahan

Beliau berasal dari Kampung Muara Tuang, Kota Samarahan, Sarawak. Beliau melanjutkan pengajiannya di Pusat Pelajaran Wilayah, 3 Brigid. Beliau pernah berkhidmat di beberapa institusi penting. Titik permulaan kerjayanya bermula di SeDidik Sdn Bhd di bawah SEDC Sarawak dan seterusnya di Kementerian Pembangunan Sosial Negeri Sarawak, di mana beliau banyak terlibat dalam program pembangunan masyarakat dan kebudayaan. Pada tahun 1995, beliau menyertai Kompleks Budaya Negara (KBN) (kini Istana Budaya, IB). Sepanjang lebih dua dekad di KBN/IB, beliau memainkan peranan penting dalam memartabatkan seni persembahan budaya tempatan termasuk sebagai koreografer dan penyelarasa acara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Munir Afifi Mohamad@Din, Pengarah Teknikal

Beliau berkhidmat di Istana Budaya (IB) bermula pada tahun 2002. Graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang berasal dari Arau, Perlis ini mempunyai minat mendalam dalam bidang teknikal seni persembahan dan berkhidmat sebagai Pengarah Teknikal bagi pelbagai produksi berskala besar melibatkan teater, muzik dan tari. Penglibatan sulung beliau adalah menerusi pementasan *Teater Natrah* dan seterusnya untuk pelbagai produksi yang dipentaskan di IB termasuk *Mahsuri*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Konsert Tribute to Sudirman*, *KL Music Fest* dan *Teater Tun Siti Hasmah*. Beliau melebarkan sayapnya dengan menyertai produksi di dalam dan luar negara termasuk pementasan *Cats*, *The Phantom of the Opera*, *The Sound of Music*, *Turandot*, *Puteri Hang Li Po* (di Encore Melaka), *Konsert Klasikal Lambang Sari Series* (DFP), *Konsert Lambang Sari* (Auditorium DBKL), *Konsert Sound of Malaysia* (UNIMAS, UPM dan UKM) dan *Konsert Tribute to Habsah Hassan* (The Esplanade, Singapura).



Zamzahardi Mohamad Zamrin, Pengarah Muzik (Orkestra Tradisional Malaysia)

Mula berminat dengan alat muzik sejak dari kecil, beliau memperoleh Diploma Muzik (Gubahan dan Komposisi) dari Akademi Seni Kebangsaan (ASK). Beliau menjadi pemuzik profesional Istana Budaya sejak tahun 2005. Kini, beliau juga merupakan pensyarah di Fakulti Muzik, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau telah terlibat dalam pelbagai persembahan dan mengiringi artis-artis terkenal dari dalam dan luar negara. Beliau menjadi pengarah muzik untuk beberapa produksi bangsawan antaranya *Puteri Patmawati* (2004) dan *Yang Berdarah* (2008). Pada tahun 2008, beliau memenangi tiga pingat emas, dua perak dan satu gangsa, serta merangkul tiga gelaran Juara Dunia di pertandingan World Championship of Performing Arts (WCOPA) di Hollywood, Los Angeles, Amerika Syarikat. Beliau pernah menjadi ahli ASEAN-Korea Traditional Orchestra di Korea Selatan (2009–2010), dan dilantik sebagai konduktor/pengubah muzik untuk program Culture Partnership Initiative Orchestra di The National Theater of Korea. Beliau mewakili Malaysia dalam program itu dan menerima penghargaan sebagai peserta terbaik pada tahun 2011.

Orkestra Tradisional Malaysia

Mohd Yazid Zakaria
Shamsul Zin
Haziratul Syamimi Ishak
Zamzahardi Mohamad Zambrin
Mohd Shafic Aminuddin Hussin
Muhamad Dahari Che Seman
Roslan Harun
Asrol Amri Mohammad
Ku Nazarudin Ku Zahir
Muhammad Safian Abdul Wahid
Mohd Fikri Mohd Rahim
Amirul Nizam Abd Aziz
Hasnul Hafizi Muhammad Noor Hardi
Mirzan Mohd Isa
Khairul Hakim Kamal
Jifri Zin
Dhiya Suhaili Abdul Ghani
Mohd Fais Rizuan Che Seman
Ezdianie Hayatie Omar
Mohd Edie Nazrin Hamzah
Siti Nor Habsah Sheikh Ahmad

ARTISTANA

Mohd Faizule Abdullah
Albar Ramdzan
Muhammad Zul Adha Mohammad Nazri
Muhammad Adi Hazwan Hamzah
Mohd Noor Azizi Manja
Mohd Fahmi Mohd Zamari
Muhammad Amsyar Noor Azizan
Halmy Hamizan
Muhammad Aiman Haikal Osman
Madregal Sagario Helen Singok
Ghaffour Muhamed
Azewani Mohd Noor
Tengku Puteri Norazilina Tengku Aman Shah
Noora Nilrat Somnot
Nurul Ellyna Ramlan Rus

Penggiat Seni

Badarzaman Jusoh@Harun
Abd Rahim Shamsudin
Ea Chuan Ea Eng

Si Rik Sukkaseam Sa Kon
Tuan Haji Mustafa Mohd

Muhamad Mohd Yunus
Rosnan Rahman

Penasihat
Timbalan Penasihat
Pengurus
Pengarah Muzik
Pembantu Pengarah Muzik
Adiguru
Gong/Jirud/Saron Baron
Kesi/Toys/Gong Gamelan
Canang/Keromong/Jidur
Set Drum OTM/Sarondemong/Handsonic
E.Bass/Perkusi
Akordian/Gambang/Jidur
Gambus/Jidur
Keyboard
Seruling/Perkusi
Violin/Kenong
Gurindam/Penyanyi
Gendang Anak/Rebana
Penyanyi Latar Jemputan
Penyanyi Latar Jemputan
Penyelaras Otm

Noramiera Ab. Rahman
Nur Saidatul Husna Mohd Nawawi
Norazira Diris
Nur Adibah Rozali
Fatin Ameera Kemaru
Prescylla Bagik
Intan Syafiqah Mohd Fauzi
Nur Adila Abdul Manan
Laxshiny Murliah

Penggiat Tarian Pelanduk dan Puteri Walinong Sari
Pembantu Muzium Kanan Tertinggi (Pesara)
Pengerusi Persatuan Pelancongan Kesenian &
Kebudayaan Kelantan
Pak Menora (Kelantan)
Penggiat Cerita dan Tarian Ulek Mayang/Penyanyi
Lagu Rakyat
Penggiat Gendang Pahang
Penggiat Makyung



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

WHERE EVERY BEAT TELLS A STORY

DEWAN FILHARMONIK PETRONAS

CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Hassina Begam Abdul Gani

CEO'S OFFICE

Syafiqah Nabila Mohd

COMMUNICATIONS & CREATIVE SERVICES

Munshi Ariff Abu Hassan
Muhammad Farhan Aziz
Farah Diyana Ismail
Yasmin Mahmuddin
Hisham Abdul Jalil
Zulfadli Mohd Zakarrudin
Ameela Najihah Zulkifli
Maizatul Ezza Masran
Nursuffiya Aleena Muhammad Zubir
Nalisa Amira Sudinar

BUSINESS & STRATEGIC RELATIONS MANAGEMENT

Effendy Khalid
At Ziafirzani Chek Pa
Norsahida Mohd Salim
Syazwan Arif
Rusyaidi Mohd Kamal
Imran Syafiq Kamarul Zaman
Muhammad Nur Rasyid Abd Razak
Fatin Ayuni Mohd Ali
Sharifah Nurhadaina Mishra Syed Mohamad
Asmahan Abdullah
Farzeera Ezir De-Attaher Emir
Yayuk Yulianawati Rila
Muhammad Zahir Opong

FINANCE & CORPORATE SERVICES

Mohamed Sultan Haja Mohideen
Norhisham Abd Rahman
Mohammed Hakimi Mohammed Rosli
Nur Afiah Shubhiah Kamarulzaman
Nurfarah Farhana Hashimi
Nafeja Deanna Shahir
Logiswary Raman
Norhaszilawati Zainudin
Sharhida Saad
Megat Muhammad Ridzuan Mohmad Latfi
Muknoazlida Mukhadzim
Nor Afidah Nordin

TECHNICAL SERVICES

Firoz Khan Mohd Yunus
Muhamad Hafiz Abdul Aziz

HEALTH, SAFETY & ENVIRONMENT

Mohd Fahmi Md Radzi

MALAYSIAN PHILHARMONIC ORCHESTRA

CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Hassina Begam Abdul Gani

CEO'S OFFICE

Farah Diyana Ishak

ARTISTIC MANAGEMENT

Khor Chin Yang
Qaleeda Talib
Wynn Ch'ng Way Sean
Ong Li-Huey
Muhammad Fikrizaki Zakaria

ORCHESTRA MANAGEMENT

Fadilah Kamal Francis
Khairul Anuar Mohd Sabri

MUSIC TALENT DEVELOPMENT

Ahmad Muriz Che Rose
Shireen Jasin Mokhtar
Nur Syafiqah Shuib
Amin Mikhail Ahmad Zabidi

COMMUNICATIONS & CREATIVE SERVICES

Munshi Ariff Abu Hassan

BUSINESS & STRATEGIC RELATIONS MANAGEMENT

Effendy Khalid

FINANCE & CORPORATE SERVICES

Mohamed Sultan Haja Mohideen

HEALTH, SAFETY & ENVIRONMENT

Mohd Fahmi Md Radzi

BOX OFFICE

Ground Floor, Tower 2,
PETRONAS Twin Towers
Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur

EMAIL

boxoffice@dfp.com.my

TELEPHONE

603-2331 7007

ONLINE TICKETS & INFO

dfp.com.my



dewanfilharmonikpetronas

DEWAN FILHARMONIK PETRONAS – 199801006565

ACKNOWLEDGEMENTS

CORPORATE SUITE PREMIUM MEMBERS



PARTNER HOTELS



Thank you to all our donors and collaborators for your support.



THE TEMPLE OF FINE ARTS



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Classical Traditions

RAGAS AND MUDRAS



6
SEP
2025
SAT 8:00PM

PERFORMANCE AT
DEWAN FILHARMONIK PETRONAS
PETRONAS TWIN TOWERS

Experience the soul-stirring rhythm and colours of Indian performing arts and discover mesmerising classical dance and music as DFP transports you to the heart of Indian culture. Through a rhythmic artistry that weaves intricate cultural patterns that dance with the soul, witness the skills of the musicians and classical dancers of the Temple of Fine Arts Malaysia, displaying invaluable traditions that are passed down through generations, preserving the rich heritage of the Indian culture.

Normal:

RM69 RM99

RM129 RM159

Suite:

RM199/Seat*

RM249/Seat*

**inclusive of light refreshments*

DFP Heritage



dewanfilharmonikpetronas

www.dfp.com.my

603 - 2331 7007

contactus@dfp.com.my

SPECIAL DISCOUNT

10% MyKad Holder / **50%** *Student (B-Reserve): / **15%** Senior Citizen:

**Terms & Conditions apply*

WE ACCEPT



WHERE EVERY BEAT TELLS A STORY

NOH SALLEH

& The Malaysian Philharmonic Orchestra



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

CHANNISON DE KUALA LUMPUR

01
NOV
2025
SAT 8:00PM

PERFORMANCE AT
DEWAN FILHARMONIK PETRONAS
PETRONAS TWIN TOWERS

Noh Salleh, vocals
Malaysian Philharmonic Orchestra
Ahmad Muriz Che Rose, conductor

The final MPO showcase of the season witnesses a collaboration with singer-songwriter and musician Noh Salleh, serenading you with his uniquely stylistic hits including Kotak Hati and Angin Kencang. The Hujan band frontman will bring his French pop-influenced songs. Listen as the MPO's orchestral impeccable arrangements take these songs to a whole new level, celebrating the 20th anniversary of Noh Salleh as an artist.

Normal:
RM199 RM249
RM299 RM359

Suite:
RM409/seat*
RM459/seat*

**inclusive of light refreshments*

Meet & greet
Additional RM100 for all categories.
Limited to 60 pax only.

DFP Showcase



dewanfilharmonikpetronas

www.dfp.com.my

603 - 2331 7007
contactus@dfp.com.my

SPECIAL DISCOUNT

10% MyKad Holder: MYKAD10 / 50% *Student (B-Reserve) / 15% for Senior Citizen: SENIOR15

WE ACCEPT



WHERE EVERY BEAT TELLS A STORY



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS
KUALA LUMPUR, MALAYSIA



Your Pulse • Your Sound • Your Style

EXCLUSIVE AT DFP BOX OFFICE - GET YOURS TODAY!



dewanfilharmonikpetronas
malaysianphilharmonicorchestra



dfp.com.my
mpo.com.my

DEWAN FILHARMONIK PETRONAS (1986) 1006402
MALAYSIAN PHILHARMONIC ORCHESTRA (1986) 1006402



603 - 2331 7007
contactus@dfp.com.my
boxoffice@dfp.com.my

MALAYSIAN PHILHARMONIC ORCHESTRA (1986) 1006402

Seamless PAYMENT for all!

Elevate your concert experience with us!

atome   Pay |  SPayLater



A ticket purchased by a wheelchair user includes a complimentary ticket for a companion. Please contact our Box Office at 03 2331 7007 or email to boxoffice@dfp.com.my for further assistance regarding the wheelchair seat ticket purchase and accessibility during the concert.

Don't Miss a BEAT

These discounts set the stage for an unforgettable symphonic experienced



**JOIN THE OVATION,
indulge in the CELEBRATION!**

*Terms & conditions apply



DEWAN FILHARMONIK PETRONAS
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Be Informed, Stay Safe

DFP Emergency Evacuation Video

Please scan here
to watch the video





DEWAN FILHARMONIK PETRONAS
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Create an **IMMERSIVE EXPERIENCE** for **YOUR NEXT EVENT.**

Book your event &
enjoy savings up to

50% OFF

* Terms and Conditions apply



At **Dewan Filharmonik PETRONAS**,
we enjoy bringing people together
for amazing experiences.

Located in the middle of PETRONAS
Twin Towers, KLCC, we cater to a wide
range of functions and events.



Conferences
Brand activations
Private concerts
Movie premieres
Filming
Recording

We offer end-to-end event
management solutions,
set in a superior acoustical
and prestigious setting.

Come and talk to us.

contactus@dfp.com.my
+603 2331 7008

Monday - Friday
10:00am to 4:00pm



dewanfilharmonikpetronas

dfp.com.my